

## LAKUAN BAHASA DALAM TITAH UCAPAN SULTAN SELANGOR

ABD GANING LAENGKANG  
Universiti Malaya  
[abdganing@um.edu.my](mailto:abdganing@um.edu.my)

### ABSTRAK

Lakuan bahasa merupakan analisis tindakan seseorang dalam komunikasi, sama ada komunikasi lisan dan tulisan. Ucapan Sultan Selangor dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) mengandungi pelbagai tindakan yang boleh memperlihatkan fungsi, peranan dan kuasa dalam sistem pemerintahan negeri. Dalam konteks hari ini, kedudukan Sultan Selangor adalah terhad kerana terikat dengan konsep raja berperlembagaan (Dimon, Z.,2023). Kuasa pentadbiran dan pemerintahan diserahkan kepada badan eksekutif yang diketuai oleh Menteri Besar. Berdasarkan pernyataan ini, timbul persoalan, sejauh mana fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor dalam sistem pemerintahan ketika ini. Dalam konteks ini, analisis lakuan bahasa berupaya memperlihatkan fungsi, peranan dan kuasa Baginda melalui ucapan sidang DUN. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis lakuan bahasa terhadap empat teks ucapan Sultan Selangor yang disampaikan pada penggal ke-14 bagi tahun 2019 hingga 2022 untuk melihat fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor. Pengkaji memuat turun empat teks ucapan sidang DUN pada 24/9/2022 daripada laman sesawang rasmi kerajaan Selangor, <http://dewan.selangor.gov.my>. Selepas dimuat turun, data tersebut dianalisis berdasarkan kerangka teori lakuan bahasa Austin (1962) dan Searle (1979) yang telah diperincikan oleh Abd Ganing (2020). Berdasarkan analisis, kajian ini mendapat empat kategori lakuan bahasa, iaitu lakuan pernyataan, arahan, ekspresi dan kritikan. Selain itu, analisis lakuan memperlihatkan bahawa konsep raja berperlembagaan tidak menghilangkan sepenuhnya fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor dalam sistem pemerintahan. Sultan Selangor sebagai ketua tertinggi di Selangor masih mempunyai fungsi, peranan dan kuasa untuk mengawal dan memastikan negeri Selangor ditadbir dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

**Kata kunci:** Lakuan bahasa; titah Sultan Selangor; Sidang DUN Selangor.

## SPEECH ACT IN THE SULTAN SELANGOR'S SPEECHES

### ABSTRACT

Speech acts involve the analysis of an individual's actions in communication, whether verbal or written. The speeches of the Sultan of Selangor in the State Legislative Assembly (DUN) encompass various actions that can illustrate his functions, roles, and powers within the state's governance system. In today's context, the position of the Sultan of Selangor is limited due to the concept of a constitutional monarchy (Dimon, Z.,2023). Administrative and governing powers are entrusted to the executive, led by the Menteri Besar. Based on this statement, a question arises: to what extent do the functions, roles, and powers of the Sultan of Selangor prevail in the current governance system? In this context, speech act analysis is capable of revealing the Sultan's functions, roles, and powers through his speeches in the DUN sessions.

Therefore, this study aims to analyse the speech acts in four speeches delivered by the Sultan of Selangor during the 14th session, from 2019 to 2022 to observe the functions, roles and powers of the Sultan of Selangor. The researcher downloaded these four speeches on September 24, 2022, from the official website of the Selangor government, <http://dewan.selangor.gov.my>. After downloading, the data were analysed based on the speech act theory frameworks of Austin (1962) and Searle (1979), as detailed by Abd Ganing (2020). The analysis identified four categories of speech acts: representative, directive, expressive, and criticism. Additionally, the analysis shows that the concept of a constitutional monarchy does not completely eliminate the functions, roles, and powers of the Sultan of Selangor within the governance system. As the highest leader in Selangor, the Sultan Selangor still holds the functions, roles, and powers to ensure that the state of Selangor is governed with integrity and responsibility.

**Keyword:** Speech act; Sultan of Selangor's speech; Selangor State Assembly.

## PENGENALAN

Fungsi bahasa bukan sahaja untuk menyampaikan pendapat dan pemikiran, tetapi bahasa boleh dimanfaatkan untuk melakukan pelbagai tindakan, seperti meminta, berjanji, mengkritik, menggesa, mendesak, mendakwa, dan sebagainya. Bahasa yang dimanfaatkan untuk melakukan pelbagai tindakan dikenali sebagai lakuan pertuturan (speech act), seperti yang dikemukakan oleh Austin (1962). Menurut Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2023), lakuan bahasa secara tradisinya selalu dikaitkan dengan bahasa percakapan dalam komunikasi. Namun demikian, kajian ini berpendapat bahawa lakuan bahasa merupakan analisis tindakan manusia dalam komunikasi, sama ada lisan atau tulisan. Kajian lakuan bahasa amat penting, khususnya kepada pemimpin tertinggi negara. Hal ini kerana analisis lakuan dapat memperlihatkan fungsi dan kuasa seseorang pemimpin dalam menggerakkan dan mengawal pentadbiran negara.

Kajian ini berkaitan dengan analisis lakuan bahasa dan hubungannya dengan fungsi dan kuasa Sultan Sharafuddin Idris Al Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al haj (Selepas ini diringkaskan sebagai *Sultan Selangor*). Tengku Intan Marlina dan Salina Ja'afar (2013) mengatakan bahawa setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, institusi raja berubah menjadi raja berperlembagaan. Perubahan ini turut menyebabkan perubahan konsep daulat yang dimiliki oleh raja atau sultan. Sultan atau raja hanya berfungsi sebagai simbol ketua negeri dan ketua agama sesebuah negeri. Dalam konteks negeri Selangor, fungsi dan kuasa Sultan Selangor adalah terhad kerana terikat dengan konsep raja berperlembagaan. Sultan hanya berfungsi sebagai simbol bagi memastikan kestabilan dan kelestarian institusi beraja. Kuasa pentadbiran diserahkan kepada eksekutif yang diketuai oleh Menteri Besar.

Berdasarkan pernyataan di atas, timbul persoalan, sejauh mana fungsi, peranan, kuasa dan sikap Sultan Selangor dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran ketika ini. Adakah fungsi dan kuasa Sultan Selangor hilang sepenuhnya sehingga Sultan Selangor tidak mempunyai kuasa untuk memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negeri. Dalam konteks ini, analisis lakuan bahasa berupaya memperlihatkan fungsi dan kuasa Baginda melalui ucapan sidang DUN. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk meneroka dan menganalisis pelbagai tindakan Sultan Selangor dalam ucapan tersebut bagi menjawab persoalan di atas. Kajian ini amat penting untuk menggambarkan bahawa Sultan Selangor masih mempunyai fungsi dan kuasa yang sangat penting dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan negeri.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa raja atau sultan tidak mempunyai fungsi, peranan dan kuasa kerana terikat dengan konsep raja berperlembagaan. Oleh itu, kajian lakuhan bahasa terhadap Sultan Selangor adalah amat penting bagi memperlihatkan bahawa Sultan masih mempunyai fungsi, peranan dan kuasa untuk memastikan keharmonian negeri. Berdasarkan tinjauan awal, pengkaji mendapati kajian lakuhan bahasa telah banyak dilakukan terhadap pemimpin tertinggi negara. Namun demikian, pengkaji tidak menemui kajian terhadap raja atau sultan bagi negeri atau negara. Kajian terdahulu lebih tertumpu pada lakuhan bahasa dalam kalangan pemimpin politik, seperti presiden, perdana menteri dan mantan perdana menteri. Oleh itu, pengkaji akan menghuraikan secara ringkas sepuluh kajian lepas bagi sepuluh tahun ke belakang (2014-2023) dalam kalangan pemimpin tertinggi pelbagai negara.

Pada tahun 2014, Ahmad Syafi'i mengkaji lakuhan bahasa ekspresi Perdana Menteri Australia, iaitu ucapan Tony Abbott (2013-2015). Kajian tersebut mendapati empat lakuhan ekspresi Tony Abbott, iaitu rasa syukur, keinginan, kepuasan dan ekspresi sikap. Ahmad Syafi'i merumuskan bahawa ucapan Tony Abbott lebih cenderung untuk memperlihatkan keinginannya dan mengharapkan keinginan itu menjadi kenyataan. Pada tahun 2015, Julisa Wira (2015) menganalisis lakuhan bahasa Joko Widodo, Presiden Indonesia yang diterbitkan dalam Facebook menjelang pilihanraya umum 2014. Kajian tersebut mendapati bahawa lakuhan bahasa asertif menunjukkan bilangan tertinggi, diikuti oleh lakuhan arahan dan komisif. Beliau menyimpulkan bahawa lakuhan pernyataan yang tegas berupaya mempengaruhi rakyat Indonesia sehingga berliau diangkat menjadi Presiden Indonesia.

Pada tahun 2016, analisis lakuhan bahasa terhadap ucapan Presiden Nigeria, Goodluck Jonathan dilakukan oleh Koussouhon dan Dadjo dengan menggunakan kerangka teori Austin. Kajian tersebut mendapati, lakuhan asertif Goodluck Jonathan menunjukkan sikap perpaduan, kestabilan dan kemajuan. Lakuhan ekspresi, seperti ucapan terima kasih dan ucapan tahniah telah menampilkan beliau sebagai bukan sahaja bersifat keamanan, tetapi sebagai orang yang berhati mulia. Analisis lakuhan komisif pula menggambarkan Goodluck Jonathan sebagai seorang yang demokratik dan patriotik. Pemerintahan Nigeria beralih daripada Goodluck Jonathan kepada Muhammadu Buhari pada 2015. Pada tahun 2017, Koutchadé mengkaji ucapan Muhammadu Buhari pada sesi ke-71 Perhimpunan Agung PBB dan kajian tersebut mendapati lakuhan representatif berada di kedudukan tertinggi, diikuti lakuhan arahan, ekspresif dan komisif. Kajian tersebut merumuskan bahawa Muhammadu Buhari sebagai orang yang yakin dengan tema perhimpunan PBB terhadap Nigeria. Kajian tersebut turut memperlihatkan Muhammadu Buhari mengemukakan cadangan untuk memerangi rasuah, berjanji untuk menghadapi cabaran. Selain itu, kajian tersebut juga menonjolkan sikap penghargaan terhadap negara-negara yang membantu memerangi Boko Haram, dan menghapuskan keganasan di negara tersebut.

Loko mengkaji lakuhan bahasa pada tahun 2018 terhadap ucapan Presiden Amerika Syarikat, iaitu ucapan Donald Trump yang disampaikan di Konvensyen Kebangsaan Republikan pada Julai 2016. Kajian tersebut mendapati ucapan Donald Trump mengandungi lakuhan pernyataan, arahan, ekspresi, komisif dan deklaratif. Kajian Loko merumuskan bahawa Donald Trump mencadangkan pelbagai penyelesaian, berjanji untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara. Kajian lakuhan bahasa terhadap Presiden Barack Obama dilakukan oleh Thamir, S. F. pada tahun 2019. Kajian tersebut menunjukkan bahawa sebahagian besar ucapan Obama begitu tegas, bersifat mendesak dan komisif, kolaboratif dan bersahaja. Selain itu, lakuhan janji yang dimanfaatkan oleh Barack Obama adalah untuk mendapatkan sokongan.

Yang dan Wang (2020) menjalankan kajian lakuhan bahasa terhadap Rodrigo Duterte, Presiden Filipina. Kajian mereka menunjukkan sikap Rodrigo Duterte yang memberikan komitmen sepenuhnya terhadap masa depan negara. Kajian tersebut turut memperlihatkan harapan yang tinggi

agar rakyatnya dapat menerima beliau sebagai presiden Filipina. Rahayu dan El Fauziah (2021) pula melakukan kajian terhadap ucapan Perdana Menteri Britain, Borish Johnson. Ucapan beliau berkaitan dengan penularan wabak Covid-19. Dapatkan kajian ini amat berbeza dengan kajian lain kerana lakuhan bahasa deklaratif berada di kedudukan kedua tertinggi. Hal ini disebabkan isu keselamatan nyawa penduduknya. Melalui ucapan tersebut, Perdana Menteri Britain mengharapkan rakyatnya mematuhi apa yang disampaikan bagi memutuskan rantaian penularan Covid-19.

Yusanti et al (2022) mengkaji ucapan mengenai Covid-19 oleh Presiden Amerika, Joe Biden. Kajian tersebut mendapati tiga jenis lakuhan bahasa yang dominan, iaitu asertif, arahan dan komisif. Lakuhan ekspresi dan deklarasi amat minimum dalam ucapan tersebut, dan hal ini berbeza dengan ucapan Perdana Menteri Britain, Borish Johnson. Kajian beliau lebih cenderung untuk melakukan janji. Ucapan presiden Pakistan dikaji oleh Siddique et al (2023). Kajian mereka mendapati lakuhan pernyataan dan lakuhan ekspresif sangat dominan, dan menyimpulkan bahawa analisis lakuhan bahasa memperlihatkan sikap dan penjelasan yang tepat, dan penuh belas kasihan.

Berdasarkan tinjauan literatur, kajian ini merumuskan bahawa kajian lakuhan bahasa dalam kalangan pemimpin dapat memperlihatkan keinginan, sikap, pendirian, tindakan, harapan dan sebagainya. Selain itu, kajian lakuhan bahasa turut memperlihatkan kuasa mereka melalui analisis lakuhan bahasa arahan. Oleh itu, kajian ini akan meneliti lakuhan bahasa Sultan Selangor untuk melihat fungsi, kuasa, sikap dan gaya kepimpinan melalui analisis ucapan dalam Persidangan DUN Selangor. Dengan perkataan lain, walaupun mengamalkan sistem raja berperlembagaan, namun demikian analisis lakuhan bahasa berupaya menonjolkan fungsi, kuasa dan sikap Sultan Selangor.

## PERSOALAN KAJIAN

Fungsi dan kuasa Sultan Selangor terhad oleh konsep raja berperlembagaan. Sultan Selangor berperanan sebagai simbolik ketua negeri, ketua agama Islam bagi negeri, dan mempunyai kuasa melantik menteri besar dan sebagainya (Dimon, Z.,2023). Urusan pentadbiran kerajaan negeri diserahkan kepada Menteri Besar dan barisan Exco. Sultan memainkan peranan sebagai *payung* kerajaan negeri dan simbol penyatuan rakyat, menjaga kebajikan rakyat, dan memastikan barisan kerajaan negeri menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor dizahirkan melalui ucapan-ucapan rasmi, seperti ucapan dalam Persidangan Pembukaan Dewan Undangan Negeri Selangor. Dalam konteks ini, analisis lakuhan bahasa berupaya memperlihatkan jenis-jenis tindakan dan kuasa Sultan Selangor yang terdapat dalam ucapan. Dengan perkataan lain, analisis lakuhan bahasa dapat menunjukkan peranan, fungsi, kuasa dan sikap Sultan Selangor melalui ucapan. Misalnya, lakuhan arahan, desakan, gesaan, ekspresi perasaan, kritikan, dan sebagainya secara jelas menunjukkan peranan, fungsi dan kuasa Sultan Selangor simbol ketua negeri tertinggi. Dalam konteks ini, persoalan yang dibangkitkan ialah sejauh manakah Sultan Selangor memanfaatkan sidang Dewan Undangan Negeri untuk menunjukkan fungsi, peranan dan kuasanya dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negeri Selangor. Kajian ini penting bagi menunjukkan bahawa Sultan Selangor masih mempunyai peranan, fungsi dan kuasa yang signifikan dalam pentadbiran negeri.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis kategori dan subkategori lakuhan bahasa dalam ucapan Sultan Selangor. Selain itu, kajian ini akan merumuskan fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor berdasarkan kerangka teori lakuhan bahasa.

## METODOLOGI DAN PENGANALISAN DATA

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan pendekatan ini merangkumi analisis kandungan secara deskriptif (Darwalis Sazan, 2023). Analisis kajian menggunakan kerangka teori analisis lakuan bahasa yang dikemukakan oleh Austin (1962) dan Searle (1979). Kedua-dua teori ini kemudian dikemas kini oleh Abd Ganing (2020), dengan menggabungkan dan memindahkan kedua-dua teori tersebut untuk membina satu model yang lebih terperinci. Melalui pindaian yang dilakukan, terdapat enam kategori lakuan bahasa, iaitu lakuan pernyataan, lakuan arahan, lakuan kritikan, lakuan komisif, lakuan ekspresif dan lakuan perisyiharan (perincian lanjut di bahagian Kerangka Teori).

Kaedah analisis kandungan teks melibatkan lima proses utama. Proses pertama ialah pemilihan data. Dalam kajian ini, pengkaji memilih empat teks ucapan Sultan Selangor yang disampaikan dalam sidang DUN, bagi penggal ke-14 bagi tahun 2019 hingga 2022. Teks ucapan tersebut dipilih dan dimuat turun pada 24 September 2022 melalui laman sesawang rasmi kerajaan Selangor, iaitu <http://dewan.selangor.gov.my>. Kaedah pemilihan data adalah secara sampel bertujuan, iaitu data dipilih berdasarkan tujuan kajian. Titah ucapan yang dipilih bertarikh 18 Mac 2019, 16 Mac 2020, 23 Ogos 2021 dan 14 Mac 2022. Persidangan DUN merupakan persidangan tertinggi di peringkat negeri, dan hal ini bermakna teks ucapan Sultan mengandungi fungsi dan kuasa dalam kerajaan negeri. Secara umumnya, empat teks ucapan titah Sultan Selangor merangkumi pelbagai isu, seperti pentadbiran, pengurusan negeri, prestasi ekonomi, sosial, masyarakat, pendidikan, wabak virus Covid-19, dan sebagainya.

Proses kedua ialah penstrukturkan teks ucapan. Dalam proses ini, teks ucapan distrukturkan kepada tiga, pengenalan, isi dan penutup. Hal ini dilakukan bagi melihat tiga bahagian utama ucapan. Proses ketiga ialah pengkategorian lakuan bahasa. Pengkategorian dilakukan berdasarkan kerangka teori, iaitu sama ada sesuatu ujaran dikategorikan sebagai lakuan pernyataan, lakuan arahan, lakuan kritikan dan sebagainya. Proses pengkategorian ini merupakan analisis yang melibatkan konteks. Proses keempat ialah pelabelan kod setiap ujaran untuk menentukan kekerapan sesuatu ujaran. Kekerapan kategori lakuan bahasa ditunjukkan dalam bentuk jadual dalam bentuk peratusan. Proses kelima ialah proses perbincangan dan pentafsiran atau rumusan. Proses ini melibatkan perbincangan terhadap setiap ujaran, kemudian mentafsir kekerapan ujaran sesuatu kategori lakuan. Semakin tinggi kekerapan sesuatu kategori, maka semakin tinggi atau semakin menyerlah fungsi, kuasa dan sikap Sultan Selangor. Misalnya, lakuan arahan yang tinggi dapat memperlihatkan bahasa Sultan Selangor mempunyai kuasa untuk mengarahkan barisan kepimpinan negeri. Sekiranya lakuan kritikan mencatatkan kekerapan tertinggi, dapatkan kajian tersebut menunjukkan Sultan Selangor sebagai seorang yang prihatin dan sayang kepada kerajaan negeri. Kritikan dilakukan lazimnya dilakukan untuk mengawal pentadbiran dan hal ini secara langsung menunjukkan kuasa Sultan Selangor.

## KERANGKA TEORETIS

Kajian ini menggunakan perincian lakuan bahasa oleh Abd Ganing (2020) hasil gabungan teori Austin (1962) dengan Searle (1979). Austin merupakan sarjana pertama yang mengemukakan gagasan bahawa setiap ujaran yang dihasilkan tidak hanya mengatakan sesuatu tetapi mengandungi tindakan melakukan sesuatu. Melalui gagasan tersebut, Austin memperkenalkan lima kategori lakuan, iaitu lakuan *expositives*, *commisives*, *behabitives*, *exercitives* dan *verdictives*. Searle mendapati bahawa kategori lakuan yang dikemukakan oleh Austin mengalami pertindanan kerana mengutamakan kata kerja performatif. Oleh itu, Searle mengemukakan lima kategori baharu, iaitu lakuan pernyataan, arahan, komisif, ekspresif dan pengisyiharan. Searle memperkenalkan kategori baharu berdasarkan tiga prasyarat atau kriteria

utama, iaitu tujuan ilokusi (illocutionary act), arah kesesuaian (directive of fit) dan keadaan psikologi (psychological state).

Lakuan pernyataan bermaksud ujaran yang menyatakan sesuatu. Kategori lakuan arahan ialah ujaran yang meminta seseorang melakukan sesuatu, manakala lakuan ekspresi ialah ujaran yang mengekspresikan perasaan atau emosi. Komisif ialah ujaran yang mengikat seseorang dengan apa yang dituturkan, dan lakuan deklarasi merupakan ujaran yang menyebabkan perubahan status atau keadaan. Setiap kategori tersebut mengandungi pelbagai subkategori. Subkategori lakuan akan dibina berdasarkan tujuan ilokusi yang sama. Misalnya, lakuan gesaan akan diletakkan dalam kategori lakuan arahan kerana ia bertujuan untuk meminta seseorang melakukan sesuatu. Begitu juga dengan kategori lain. Kajian lakuan bahasa terus diperincikan oleh Abd Ganing (2020) dengan mengemukakan satu lagi kategori lakuan bahasa, iaitu lakuan kritikan. Lakuan kritikan mengandungi fungsi utama bahasa, setaraf dengan kategori lakuan yang lain. Lakuan kritikan dikemukakan berdasarkan tiga kriteria yang diperkenalkan oleh Searle. Dari segi konsep, lakuan kritikan bermaksud ujaran yang memberikan nilai atau imej yang negatif.

Huraian berikut menunjukkan proses pengaplikasian kerangka teoretis dalam menganalisis teks ucapan. Misalnya, kategori lakuan arahan dan subkategori arahan. Lakuan arahan ialah ujaran yang meminta seseorang untuk melakukan sesuatu. Mana-mana ujaran yang meminta seseorang melakukan sesuatu akan dikategorikan sebagai lakuan arahan. Contohnya adalah seperti berikut:

- i. Tolong angkat meja itu. (lakuan permintaan)
- ii. Kita perlu sentiasa menghormati guru. (Lakuan nasihat)
- iii. Sekarang, ambil posisi untuk menyerang. (Lakuan perintah).

Tiga contoh di atas merupakan lakuan arahan membawa konsep “meminta seseorang melakukan sesuatu”. Namun demikian, ketiga-tiga contoh di atas berbeza dari segi konteks dan konteks ini membentuk sublakuan arahan. Contoh 1 menunjukkan sublakuan permintaan dan lakuan ditandai oleh perkataan *tolong*. Contoh 2 pula dinamakan sebagai sublakuan nasihat kerana ujaran tersebut meminta seseorang untuk sentiasa melakukan kebaikan. Jadual 1 memperlihatkan lima kategori dan 27 subkategori yang diaplikasikan untuk menganalisis lakuan bahasa Sultan Selangor dalam Persidangan Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor.

JADUAL 1. Bilangan Kategori dan Subkategori Lakuan

| KATEGORI   | SUBLAKUAN BAHASA   |
|------------|--|
| Pernyataan | Maklumat, penerangan, rujukan khusus, penegasan, dan jangkaan  |
| Arahan     | Gesaan, harapan, nasihat, larangan, berdoa dan cadangan.   |
| Kritikan   | Kritikan langsung, justifikasi, kritikan umum dan persoalan retorik  |
| Ekspresi   | Berkenan, terima kasih, sapaan hormat, salam, sedih atau kecewa, yakin, bersyukur, bimbang, bismillah, ucapan selamat, enggan dan tahniah. |

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis mendapati empat kategori lakuan bahasa daripada enam kategori yang diperincikan oleh Abd Ganing (2020). Berdasarkan analisis kajian, lakuan pernyataan berada di kedudukan tertinggi (235 ujaran), diikuti lakuan arahan (119 ujaran). Lakuan ekspresi pula menunjukkan

kedudukan ketiga (87 ujaran), lakuan kritikan di tempat keempat (18 ujaran). Dapatan menunjukkan bahawa hampir separuh teks ucapan merupakan pernyataan maklumat. Selain itu, lakuan arahan menunjukkan fungsi dan peranan penting bagi Sultan Selangor mengawal pentadbiran negeri. Jadual 2 berikut menunjukkan hasil analisis lakuan bahasa terhadap teks ucapan Sultan Selangor.

JADUAL 2. Hasil analisis lakuan bahasa teks ucapan Sultan Selangor

| Kategori                  | Kekerapan  | Peratus     |
|---------------------------|------------|-------------|
| Pernyataan                | 235        | 51.9        |
| Arahan                    | 119        | 25.9        |
| Ekspresi                  | 87         | 18.9        |
| Kritikan                  | 18         | 03.9        |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>459</b> | <b>100%</b> |

Antara lakuan yang penting dalam arahan ialah lakuan gesaan, nasihat dan larangan. Tiga lakuan ini membuktikan fungsi dan peranan penting Sultan Selangor dalam mengawal pentadbiran negeri. Sultan Selangor turut melakukan kritikan langsung, khususnya terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Kritikan ini menunjukkan fungsi sultan untuk memastikan negeri diuruskan dengan baik oleh pihak eksekutif. Huraian berikut merupakan empat kategori lakuan bahasa yang disampaikan oleh Sultan Selangor dalam Sidang DUN bagi tahun 2019-2022.

### LAKUAN PERNYATAAN

Kategori lakuan pernyataan (assertive) adalah selari dengan tujuan ilokusi yang dikemukakan oleh Searle, iaitu untuk memberi tahu seseorang tentang keadaan sesuatu. Kategori lakuan pernyataan bermaksud ujaran yang memberi tahu sesuatu kepada orang lain, sama ada menyatakan maklumat, menerangkan peristiwa, melaporkan sesuatu, menyatakan rujukan dan sebagainya. Analisis mendapati lima subkategori lakuan pernyataan dalam ucapan Sultan Selangor sepanjang empat tahun, lakuan pernyataan maklumat, penerangan, rujukan khusus, penegasan dan jangkaan. Jadual berikut merupakan lima subkategori lakuan pernyataan.

JADUAL 3. Subkategori Lakuan Pernyataan

| No | Sublakuan Bahasa          | 2022      | 2021       | 2020      | 2019      | Jumlah     |
|----|---------------------------|-----------|------------|-----------|-----------|------------|
| 1  | Maklumat                  | 33        | 49         | 39        | 36        | <b>157</b> |
|    | i. Tindakan baik          | 14        | 27         | 12        | 14        | <b>67</b>  |
|    | ii. Umum                  | 11        | 15         | 11        | 6         | <b>43</b>  |
|    | iii. Prestasi baik        | 5         | 6          | 11        | 16        | <b>38</b>  |
|    | iv. Janji                 | 3         | 1          | <b>5</b>  | -         | <b>9</b>   |
| 2  | Penerangan                | 12        | 11         | 5         | 6         | <b>34</b>  |
| 3  | Rujukan                   | 5         | 7          | 4         | 8         | <b>24</b>  |
| 4  | Penegasan                 | 3         | 2          | 2         | 2         | <b>9</b>   |
| 5  | Jangkaan                  | 1         | 1          | 3         | 3         | <b>8</b>   |
|    | <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>87</b> | <b>119</b> | <b>92</b> | <b>91</b> | <b>389</b> |

Berdasarkan Jadual 3, lakuhan pernyataan maklumat dipecahkan kepada empat jenis, iaitu maklumat *tindakan baik kerajaan*, *maklumat umum*, dan *maklumat janji*. Dari segi kekerapan, lakuhan pernyataan maklumat menunjukkan kekerapan tertinggi (157 ujaran). Daripada jumlah tersebut, maklumat tentang *tindakan baik kerajaan* mencatatkan kekerapan tertinggi (67 ujaran), diikuti pernyataan maklumat umum (43 ujaran). Maklumat tentang *prestasi baik kerajaan negeri* di tempat ketiga (38 ujaran) dan lakuhan maklumat tentang *janji* di kedudukan terendah (9 ujaran).

### Pernyataan Maklumat

Subkategori pernyataan maklumat sangat dominan dalam ucapan Sultan Selangor. Lakuhan pernyataan maklumat menyampaikan maklumat tentang kerajaan negeri. Terdapat tiga jenis maklumat dalam titah Sultan Selangor, iaitu maklumat umum, maklumat tindakan baik dan maklumat prestasi baik. Jadual 3 menunjukkan kekerapan bagi ketiga-tiga lakuhan maklumat di atas. Maklumat tentang *tindakan baik* oleh kerajaan Selangor merupakan maklumat tertinggi (67 ujaran), diikuti maklumat umum (43 ujaran), dan maklumat prestasi baik (38 ujaran). Kajian ini akan menghuraikan dua pernyataan maklumat, iaitu maklumat tindakan baik dan maklumat prestasi baik. Contoh bagi lakuhan pernyataan maklumat tentang *tindakan baik* adalah seperti berikut:

1. Kerajaan Beta **telah melaksanakan pelbagai pakej bantuan kepada rakyat** Beta yang ketika ini berhadapan dengan kemelut dan... (Tahun 2021)
2. Kerajaan Negeri **Selangor turut mensasarkan** sebanyak 32% kawasan negeri diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal .. (2021)
3. Dewan Negeri Selangor **telah meluluskan Belanjawan 2019** berjumlah RM2.56 bilion.

*Maklumat tindakan baik* merujuk kepada maklumat tentang tindakan-tindakan baik yang dilakukan oleh kerajaan negeri, seperti pelaksanaan pelbagai program, kerjasama dengan pihak luar, aktiviti pelaburan, memberikan peruntukan dan sebagainya. Maklumat-maklumat ini memberikan positif kepada kepimpinan Menteri Besar. Misalnya Contoh 1, frasa *melaksanakan pelbagai pakej bantuan* merupakan tindakan baik oleh kerajaan kepada rakyat. Tindakan baik dalam Contoh 2 pula ditandai frasa *turut mensasarkan*. Frasa ini menggambarkan tindakan positif kerajaan negeri untuk menetapkan keluasan 32% Hutan Simpan Kekal di Selangor. Contoh 3 pula memperlihatkan tindakan baik melalui frasa *telah meluluskan Belanjawan 2019*. Tindakan meluluskan peruntukan merupakan satu tindakan yang baik. Secara keseluruhannya, kerajaan negeri sentiasa melakukan tindakan-tindakan baik dan bermanfaat kepada rakyat dan kerajaan negeri.

Ucapan Sultan Selangor turut menyampaikan maklumat tentang prestasi baik yang dicapai oleh kerajaan negeri. Jadual 3 menunjukkan lakuhan maklumat prestasi baik disampaikan sebanyak 38 kali sepanjang empat tahun. Hal ini menggambarkan bahawa setiap tahun kerajaan negeri sentiasa mencapai kejayaan yang berterusan, khususnya dalam konteks ekonomi dan pembangunan negeri. Contoh lakuhan pernyataan maklumat tentang prestasi baik adalah seperti berikut:

1. Pencapaian **yang luar biasa ini** merupakan peningkatan sebanyak 238% dan ini merupakan **pencapaian tertinggi** di dalam sejarah Selangor. (Tahun 2019)
2. Selangor **mencatatkan nilai pelaburan yang tertinggi** dalam sektor perkilangan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (Tahun 2020)

3. ... telah menyaksikan prestasi pelaburan dan perindustrian bagi tahun 2020 merekodkan pencapaian yang cemerlang di mana Selangor mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding negeri-negeri lain. (Tahun 2021)

Contoh 1 di atas menunjukkan pencapaian pelaburan terbaik yang pernah dicapai oleh kerajaan, dan prestasi tersebut ditandai oleh dua frasa, iaitu *pencapaian yang luar biasa* dan *pencapaian tertinggi*. Ujaran dalam Contoh 1 berkaitan dengan nilai pelaburan yang diperoleh kerajaan negeri. Pelaburan yang tinggi akan membawa keuntungan besar kepada kemajuan ekonomi. Contoh 2 pula menunjukkan prestasi cemerlang dalam sektor perkilangan berbanding dengan negeri-negeri lain. Pada tahun 2021, dalam Contoh 3, Sultan Selangor sekali lagi menyampaikan pencapaian terbaik kerajaan negeri dalam konteks pelaburan perindustrian. Kajian ini menyimpulkan laku maklumat *tindakan baik* dan *prestasi baik* yang dicapai oleh kerajaan negeri merupakan maklumat penting dan ia berfungsi penanda aras untuk terus cemerlang pada masa akan datang.

### Pernyataan Penerangan

Lakuan pernyataan penerangan merupakan ujaran yang memberikan gambaran dan pendedahan tentang sesuatu perkara. Selain itu, lakuan ini boleh memberikan kefahaman tentang situasi yang berlaku. Analisis kajian mendapati lakuan penerangan berada di tempat kedua tertinggi dan ia disampaikan sepanjang empat tahun. Hal ini menunjukkan bahawa Sultan Selangor memainkan peranan penting dalam memberikan penerangan kepada rakyat. Berikut ialah tiga contoh lakuan penerangan oleh Sultan Selangor.

1. Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor merupakan tabung pendidikan bertujuan membantu pelajar-pelajar kelahiran Negeri Selangor, khususnya yang melanjutkan pengajian di IPTA dan IPTS. Antara program pinjaman pendidikan yang dilaksanakan adalah Pinjaman Boleh Ubah Dalam Dan Luar Negara, Program Khas Selangor Brain Bank (Pengajian Ijazah Sarjana Muda sehingga PhD); Biasiswa Sagong Tasi untuk Anak Orang Asal dan Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar. (Tahun 2019)
2. Bagi menjadikan keupayaan umat Islam yang berilmu dan bertamadun, peranan Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS) akan dikembangkan. ILDAS bukan sahaja sebagai institusi latihan yang melatih pegawai-pegawai JAIS tetapi ia juga akan digunakan untuk menyelaraskan perkara-perkara mengenai kajian Islam, pengawasan ilmu teras dan pendidikan inklusif, pusat Islamisasi dan transformasi, pusat bahasa dan antarabangsa dan pusat pengurusan standard dan inovasi serta pusat pendidikan al-Quran. (Tahun 2020)
3. Walaupun Negeri Selangor masih lagi menjadi tumpuan para pelabur, tidak dapat dinafikan pelaksanaan kawalan pergerakan ini telah menyebabkan penutupan premis perniagaan yang menyebabkan rakyat kehilangan sumber pekerjaan dan pendapatan. Keadaan ini telah menyebabkan peningkatan kepada kadar pengangguran negara.

Lazimnya, lakuan penerangan mengandungi unsur pemaknaan, pendefinisian, pemerihalan fungsi, perincian satu proses sesuatu perkara. Dalam Contoh 1 di atas, Sultan Selangor memerihalkan biasiswa yang ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor kepada para pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi swasta dan awam. Pemerihalan fungsi biasiswa itu diikuti dengan penerangan tentang pelbagai jenis program biasiswa. Ujaran dalam Contoh 2 pula memberikan penerangan tentang perancangan untuk mengembangkan

Institusi Latihan dan Dakwah Selangor. Contoh 2 tersebut turut menjelaskan fungsi-fungsi utama institusi latihan tersebut. Contoh 3 memberikan penjelasan tentang faktor sebahagian rakyat Selangor hilang pekerjaan. Kajian ini menyimpulkan bahawa Sultan Selangor berperanan dalam menerangkan pelbagai perancangan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Selangor pada masa akan datang.

### Pernyataan Rujukan

Lakuan pernyataan rujukan bermaksud ujaran yang mengatakan maklumat berdasarkan sumber rujukan, sama ada rujukan khusus atau umum. Fungsi utama lakuan rujukan adalah untuk menunjukkan maklumat yang disampaikan boleh dipertanggungjawabkan. Berdasarkan Jadual 3, lakuan rujukan berada di tempat ketiga tertinggi (24 ujaran). Dalam konteks ini, lakuan rujukan ditandai oleh perkataan seperti *beta telah dimaklumkan*, *beta difahamkan*, *ambil maklum*, *kita sedia maklum*, dan sebagainya. Senarai berikut ialah contoh lakuan bahasa rujukan.

1. **Beta telah dimaklumkan** bahawa empat atau lima buah sungai di Selangor telah tercemar dengan bahan-bahan buangan. (Tahun 2019)
2. Beta juga **ambil maklum kenyataan Memanda Dato' Menteri Besar** baru-baru ini bahawa Guru-Guru KAFA dan JAIS akan diutamakan bagi pemberian vaksin... (Tahun 2021).
3. **Beta difahamkan** Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2 juta yang akan disalurkan kepada Persatuan-persatuan Penduduk melalui Pihak Berkuasa (Tahun 2020)

Lakuan rujukan dalam Contoh 1 ditandai oleh perkataan *Beta telah dimaklumkan*. Walaupun tidak dinyatakan pihak yang memaklumkan Sultan Selangor tentang pencemaran sungai, namun demikian konteks menunjukkan bahawa maklumat tersebut diperoleh daripada barisan Exco kerajaan negeri Selangor. Hal ini kerana, lazimnya segala maklumat berkenaan dengan pengurusan negeri akan dimaklumkan kepada Sultan Selangor. Contoh 2, rujukan ditandai oleh *Beta juga ambil maklum kenyataan Memanda Dato' Menteri Besar*. Frasa *ini* merupakan lakuan rujukan khusus kerana sumber dinyatakan dengan jelas. Contoh 3 juga ialah lakuan rujukan kerana terdapat penanda linguistik *Beta difahamkan*. Berdasarkan konteks, maklumat tentang peruntukan kerajaan negeri bersumberkan kerajaan Selangor. Kajian ini merumuskan bahawa lakuan rujukan menunjukkan peranan Sultan Selangor dalam menyampaikan dan memastikan maklumat adalah benar dan boleh dipertanggungjawabkan.

### LAKUAN ARAHAN

Lakuan arahan bermaksud ujaran yang meminta seseorang melakukan sesuatu. Arahan boleh dilakukan dengan pelbagai cara, sama ada secara tegas atau lembut. Dalam konteks kepimpinan, lakuan arahan merupakan lakuan yang penting kerana ia berkait rapat dengan fungsi, peranan dan kuasa seorang pemimpin. Sultan sebagai ketua kerajaan negeri mempunyai kuasa tertinggi dalam mengeluarkan pelbagai arahan. Kajian ini mendapati enam subkategori lakuan arahan dalam ucapan Sultan Selangor, iaitu lakuan gesaan, harapan, nasihat, larangan, berdoa dan cadangan. Jumlah ujaran arahan adalah sebanyak 119 sepanjang empat tahun. Daripada jumlah tersebut, 34 arahan pada tahun 2019, 18 arahan pada tahun 2020, 29 arahan pada tahun 2021 dan 38 ujaran pada tahun 2022. Dari segi subkategori lakuan, lakuan gesaan mencatatkan kekerapan tertinggi (72 ujaran), diikuti lakuan harapan (21 ujaran) dan lakuan

nasihat (14 ujaran). Tiga subkategori lain mencatatkan kekerapan yang kurang daripada 10 ujaran. Secara keseluruhannya, lakuan arahan, khususnya gesaan menggambarkan fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor dalam mengerakkan pentadbiran negara.

JADUAL 4. Kekerapan Subkategori Lakuan Arah

| No                 | Sublakuan | 2022 | 2021 | 2020 | 2019 | Jumlah |
|--------------------|-----------|------|------|------|------|--------|
| 1                  | Gesaan    | 18   | 15   | 11   | 28   | 72     |
| 2                  | Harapan   | 9    | 6    | 3    | 3    | 21     |
| 3                  | Nasihat   | 6    | 5    | 2    | 1    | 14     |
| 4                  | Larangan  | 3    | 3    | -    | 1    | 7      |
| 5                  | Berdoa    | 2    | -    | 1    | 1    | 4      |
| 6                  | Cadangan  | -    | -    | 1    | -    | 1      |
| Jumlah Keseluruhan |           | 38   | 29   | 18   | 34   | 119    |

### Lakuan Gesaan

Kamus Dewan (2015:468) mendefinisikan gesaan sebagai *menyuruh membuat cepat-cepat* dan *bersungguh-sungguh atau mendesak*. Dalam kajian ini, lakuan mendesak bermaksud menyuruh seseorang atau pihak tertentu untuk melakukan sesuatu dengan segera dan bersungguh-sungguh. Analisis mendapati lakuan gesaan berada di kedudukan tertinggi (72 ujaran). Hal ini bermakna Sultan Selangor melakukan desakan sebanyak 72 kali sepanjang empat tahun. Dari segi bilangan tahun, sebanyak 28 ujaran desakan pada tahun 2019, 11 ujaran desakan pada 2022, 15 ujaran pada 2021 dan 18 ujaran pada 2020. Analisis kajian menunjukkan bahawa gesaan ditujukan kepada barisan kepimpinan Exco Kerajaan Negeri, agensi kerajaan, dan rakyat. Hal ini menggambarkan fungsi, peranan dan kuasa tertinggi Sultan Selangor. Tiga contoh berikut ialah subkategori lakuan gesaan.

1. **Beta menyeru** kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya melaksanakan penguatkuasaan yang lebih serius... (Tahun 2019)
2. kawasan-kawasan ini **hendaklah dipantau dengan rapi** oleh pihak-pihak yang berwajib dan pemilik-pemilik tanah agar tidak berlaku pencerobohan... (Tahun 2020)
3. Perasuah tiada tempat di dalam masyarakat dan **perlu kita perangi** secara habis-habisan. (Tahun 2021)

Contoh 1 di atas menunjukkan gesaan Sultan kepada pemimpin kerajaan negeri agar sentiasa menjalankan tugas dengan lebih serius. Gesaan tersebut ditandai oleh perkataan *Beta menyeru*. Gesaan tersebut ditujukan kepada kepimpinan kerajaan negeri agar melaksanakan penguatkuasaan dengan lebih tegas. Gesaan kepada barisan eksekutif menandakan kuasa dan kedudukan tertinggi dalam kerajaan negeri. Selain itu, Contoh 2 menunjukkan Sultan Selangor mengarahkan kakitangan kerajaan negeri agar sentiasa menghalang aktiviti pencerobohan hutan bagi mengelakkan pembakaran hutan terbuka. Gesaan dalam contoh 3 pula ditujukan secara umum, dengan menggunakan frasa *kita perlu perangi*. Gesaan dilakukan untuk mengajak rakyat agar bersama-sama memerangi rasuah, iaitu satu amalan yang boleh meruntuhkan negara. Dalam konteks kajian ini, gesaan melambangkan bahawa fungsi, peranan dan kuasa terserlah melalui ucapan dalam sidang DUN. Orang biasa tidak mempunyai fungsi, peranan dan kuasa untuk menggesa dalam sidang DUN.

## Lakuan Harapan

Kamus Dewan (201:5513) mendefinisikan *harap* sebagai *hasrat* dan *kehendak* untuk mendapatkan sesuatu. Lakuan harapan dikategorikan sebagai satu daripada lakuan arahan kerana harapan meminta seseorang melakukan sesuatu tanpa unsur paksaan, desakan dan sebagainya. Dalam kajian ini, terdapat dua penanda linguistik yang dominan, iaitu *beta berharap* dan *beta mengharapkan*. Analisis kajian mendapati harapan ditujukan kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri, persekutuan, agensi-agensi kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Tiga contoh berikut ialah lakuan harapan Sultan Selangor.

1. Beta **berharap agar** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat berbahas dengan produktif, membicarakan topik yang bermanfaat (Tahun 2019)
2. **Beta berharap** rakyat Beta memberi kerjasama sepenuhnya untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 masing-masing... (Tahun 2021)
3. ... **Beta mengharapkan satu** kerjasama yang erat dapat dijalinkan di antara kerajaan Negeri Selangor dengan kerajaan Persekutuan. (Tahun 2020)

Dalam Contoh 1 dan Contoh 2, lakuan harapan ditandai oleh perkataan *Beta berharap* manakala contoh 3 ditandai oleh *Beta mengharapkan*. Contoh 1 ialah ditujukan kepada wakil-wakil rakyat peringkat negeri supaya menunjukkan kematangan dalam membahaskan sesuatu perkara di Dewan Undangan Negeri. Harapan dalam Contoh 2 pula ditujukan kepada rakyat agar memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menerima suntikan vaksin. Harapan dalam Contoh 3 di atas ditujukan kepada barisan kerajaan negeri agar mengadakan kerjasama dengan kerajaan persekutuan. Lakuan gesaan dan harapan mempunyai tujuan yang sama, iaitu kedua-duanya meminta pihak tertentu melakukan sesuatu. Kedua-dua lakuan ini berbeza dari segi penekanan; lakuan harapan lebih halus dalam meminta seseorang untuk melakukan sesuatu. Kajian merumuskan bahawa harapan yang diletakkan di bahu wakil-wakil rakyat turut menggambarkan fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor.

## Lakuan Nasihat

Menurut Abd Ganing (2020:289), lakuan nasihat adalah untuk mengajak pendengar atau pembaca untuk melakukan kebaikan atau ke arah kebaikan. Kajian Saidatul Nornis (2006:87) pula memperlihatkan bahawa nasihat adalah untuk menyampaikan pengajaran dan teguran kepada anggota-anggota masyarakat, termasuk nilai-nilai agama. Dalam kajian ini, Sultan Selangor sebagai ketua memainkan peranannya sebagai penasihat untuk barisan pemimpin kerajaan dan rakyat jelata. Berdasarkan analisis kajian, pengkaji mendapati lakuan nasihat berada di tempat ketiga tertinggi dalam kategori lakuan arahan, dengan kekerapan sebanyak 14 ujaran. Lakuan nasihat ini lazimnya ditandai oleh perkataan *beta menasihati*, *beta mengingatkan*, *suka untuk beta mengingatkan*, dan sebagainya. Senarai ujaran berikut ialah contoh lakuan nasihat.

1. Di kesempatan ini juga suka **Beta menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat** sekalian agar sentiasa memelihara kestabilan politik ... (Tahun 2020)
2. Beta **mengingatkan sekali lagi** bahawa Beta tidak mahu mendengar sebarang laporan tentang penglibatan mana-mana pegawai dan pemimpin politik Negeri Beta di dalam amalan rasuah ini. (Tahun 2021)

3. **suka untuk Beta mengingatkan** agar seluruh rakyat terus mengamalkan aktiviti gaya hidup sihat sebagai usaha pencegahan (Tahun 2022)

Lakuan nasihat dalam Contoh 1 ditandai oleh frasa *Beta menasihati* dan nasihat tersebut ditujukan kepada wakil rakyat di Selangor. Sultan Selangor menasihati mereka agar sentiasa menjaga kestabilan Kerajaan Negeri Selangor. Contoh 2 pula menunjukkan lakuan nasihat agar wakil kakitangan kerajaan negeri dan pemimpin politik tidak sama sekali mengamalkan rasuah. Perkataan *mengingatkan* dapat dikaitkan dengan unsur *nasihat* kerana meminta pendengar untuk melakukan kebaikan. Contoh 3 di atas juga menggunakan perkataan *mengingatkan* sebagai penanda lakuan nasihat kerana meminta pendengar untuk melakukan kebaikan. Kajian ini merumuskan bahawa lakuan nasihat menunjukkan Sultan Selangor memainkan peranan untuk mengajak ke arah kebaikan dalam kalangan pemimpin kerajaan negeri dan rakyat negeri Selangor dan Malaysia amnya.

### **Lakuan Larangan**

Lakuan larangan bermaksud ujaran yang menghalang pendengar untuk meneruskan tindakan atau amalan tertentu. Lazimnya, lakuan larangan ditujukan kepada pihak yang melakukan sesuatu amalan yang tidak baik atau tindakan yang menjelaskan keharmonian hidup bermasyarakat. Dengan perkataan lain, lakuan larangan dilakukan untuk mengelak perkara yang tidak diingini. Zanariah Ibrahim et al. (2017:174) mengatakan bahawa lakuan larangan ditandai oleh perkataan *jangan*. Dalam kajian ini, lakuan ini tidak dominan namun demikian ia amat penting. Dari segi kekerapan, hanya tujuh ujaran lakuan larangan dilakukan oleh Sultan Selangor. Antara penanda linguistik untuk menunjukkan lakuan larangan ialah *elakkan*, *tidak mahu*, *janganlah*, dan sebagainya.

1. **Elakkan** daripada kegiatan membuang sampah ke dalam sungai yang boleh mencemarkan kualiti air dan banjir kilat. (2022)
2. **Beta tidak mahu** wakil rakyat menghabiskan masa dengan berpolitik untuk kepentingan parti masing-masing sehingga mengabaikan tugas... (Tahun 2022)
3. **Janganlah kita** amalkan budaya menghina agama kaum yang lain atau menyentuh isu-isu sensitif berkaitan mana-mana kaum. (Tahun 2021)

Lakuan larangan dalam Contoh 1 ditandai oleh perkataan *elakkan*. Perkataan *elakkan* meminta pendengar untuk tidak meneruskan perbuatan negatif. Tujuan ujaran dalam Contoh 1 adalah untuk menghalang pihak tertentu agar tidak membuang sampah di sungai yang boleh menyebabkan pencemaran. Lakuan larangan dalam Contoh 2 pula ditandai oleh frasa *Beta tidak mahu*. Frasa ini meminta wakil rakyat untuk menghentikan sikap yang hanya mementingkan diri sendiri. Oleh itu, frasa *tidak mahu* merupakan satu bentuk larangan. Ujaran dalam Contoh 3 menggunakan kata larangan, iaitu *janganlah*. Larangan ini ditujukan kepada masyarakat umum untuk menghentikan perbuatan menghina agama lain atau menyentuh isu-isu sensitif. Kajian ini merumuskan bahawa lakuan larangan dalam ucapan Sultan Selangor sangat penting kerana ia mencegah sebarang tindakan yang memudaratkan. Larangan tersebut turut menggambarkan fungsi dan kuasa Sultan Selangor yang mengharapkan kepatuhan daripada semua pihak.

### Lakuan Doa

Nur Syazwani dan Zubir Idris (2020) mengatakan bahawa doa merupakan saluran manusia untuk berinteraksi, berbicara, mengadu, bercakap dan memohon kepada Maha Pencipta. Amalan ini merupakan cara umat Islam mendekatkan dan menghambarkan diri kepada Allah SWT. Dalam konteks lakuan bahasa, doa ialah tindakan untuk mendapatkan pertolongan dan rahmat Tuhan. Dalam konteks ucapan Sultan Selangor, lakuan doa diletakkan dalam kategori arahan kerana ia bertujuan untuk meminta belas kasihan daripada Allah SWT. Analisis mendapati 4 ujaran doa dilafazkan oleh Sultan Selangor, iaitu seperti berikut:

1. Beta **berdoa semoga** negeri Selangor dan seluruh rakyat yang Beta kasihi terus mendapat perlindungan Allah SWT dan sentiasa dilimpahi rahmat-Nya, hidup damai dan tenteram di bumi yang bertuah ini (Tahun 2019)
2. Beta **berdoa semoga** negeri Selangor dan seluruh rakyat yang Beta kasihi hidup di dalam keadaan yang damai dan tenteram di bumi yang bertuah ini serta sentiasa dilimpahi rahmat dan mendapat perlindungan Allah SWT. (Tahun 2020)
3. Beta **berdoa** semoga negeri Selangor dan seluruh rakyat Beta sentiasa berada dalam limpahan rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata’ala. (Tahun 2022)

Berdasarkan tiga contoh di atas, hanya terdapat satu penanda linguistik lakuan doa, iaitu *Beta berdoa*. Ketiga-tiga doa dilakukan untuk memohon agar Allah SWT melindungi, merahmati, menenteramkan kehidupan rakyat Selangor. Doa dilakukan di bahagian akhir ucapan sepanjang empat tahun. Kajian ini merumuskan bahawa lakuan doa yang ditunjukkan oleh Sultan Selangor dalam sidang DUN dapat memperlihatkan fungsi, peranan dan sikapnya sebagai pemimpin yang prihatin dan penuh empati terhadap nasib rakyatnya. Selain itu, doa juga menggambarkan satu bentuk usaha yang dilakukan Sultan Selangor untuk melindungi negeri Selangor daripada segala bentuk kerosakan.

### EKSPRESI

Lakuan ekspresi ialah ujaran yang menunjukkan perasaan atau emosi. Lakuan ini merangkumi kegembiraan atau berkenan, terima kasih, sapaan hormat, ucapan salam, sedih, yakin, syukur, bimbang, bismillah, ucapan selamat, enggan dan tahniah. Kajian ini mendapati lakuan ekspresi berada di kedudukan ketiga tertinggi selepas kategori lakuan arahan. Jumlah sebenar ujaran kategori ekspresi adalah sebanyak 87. Lakuan *berkenan* menunjukkan ujaran paling dominan, diikuti oleh lakuan sapaan hormat, lakuan ucapan terima kasih, lakuan kecewa dan yakin. Lakuan selebihnya bilangan menunjukkan kekerapan yang kurang dominan. Secara umumnya, lakuan ekspresi ini berupaya menggambarkan fungsi, peranan dan sikap Sultan Selangor. Misalnya, lakuan *berkenan* menunjukkan sokongan dan dorongan kepada usaha barisan kerajaan negeri. Sapaan hormat juga menunjukkan peranan, dan sikap hormat Sultan Selangor, dan hal ini sekali gus menjadi suri tauladan kepada rakyat.

**JADUAL 5.** Kekerapan Ujaran Subkategori Lakuan Ekspresi

| No | Subkategori Lakuan Ekspresi | 2022 | 2021 | 2020 | 2019 | Jumlah    |
|----|-----------------------------|------|------|------|------|-----------|
| 1  | Berkenan                    | 5    | 3    | 2    | 13   | 23        |
| 2  | Sapaan hormat               | 4    | 3    | 2    | 2    | <b>11</b> |
| 3  | Terima kasih                | 3    | 3    | 1    | 2    | <b>9</b>  |

| No                        | Subkategori Lakuan Ekspresi | 2022      | 2021      | 2020      | 2019      | Jumlah    |
|---------------------------|-----------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| 4                         | Salam                       | 2         | 2         | 2         | 2         | <b>8</b>  |
| 5                         | Sedih dan kecewa            | 1         | 6         | -         | -         | <b>7</b>  |
| 6                         | Yakin                       | -         | 1         | 1         | 4         | <b>6</b>  |
| 7                         | Bersyukur                   | 1         | 2         | 1         | 1         | <b>5</b>  |
| 8                         | Bimbang                     | 1         | 2         | 1         | 1         | <b>5</b>  |
| 9                         | Bismillah                   | 1         | 1         | 1         | 1         | <b>4</b>  |
| 10                        | Ucapan selamat              | 1         | 1         | 1         | 1         | <b>4</b>  |
| 11                        | Enggan                      | -         | 2         | 2         | -         | <b>4</b>  |
| 12                        | Tahniah                     | -         | -         | -         | 1         | <b>1</b>  |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                             | <b>19</b> | <b>26</b> | <b>14</b> | <b>28</b> | <b>87</b> |

Jadual 5 menunjukkan Sultan Selangor berkenaan dan gembira dengan prestasi barisan kepimpinan Menteri Besar Selangor. Hal ini ditandai oleh lakuan berkenan yang sangat dominan sepanjang 4 tahun. Dari segi sikap, Sultan Selangor sentiasa memberikan sapaan hormat kepada para pendengar. Namun demikian, terdapat ekspresi perasaan kesedihan, kecewa dan bimbang. Kajian ini akan menghuraikan empat subkategori lakuan ekspresi yang dominan dan penting dalam memperlihatkan sikap Sultan Selangor terhadap negeri dan rakyat Selangor.

### Lakuan Berkenan

Kamus Dewan (2015) mendefinisikan *berkenan* sebagai *bersetuju hati, berasa gembira, puas hati* dan *senang hati*. Dalam konteks ini, lakuan berkenan merupakan ekspresi kegembiraan dan kesenangan hati dengan prestasi kerajaan negeri. Kajian ini mendapati hanya dua penanda linguistik bagi subkategori ini, iaitu *berkenan* dan *menyambut baik*.

1. **Beta berkenan** apabila Selangor terus menjadi pilihan destinasi pelaburan oleh banyak syarikat terkemuka dunia... (2019)
2. Beta **berkenan** dengan saranan Memanda Dato' Menteri Besar Selangor supaya perubahan paradigma penjawat awam dilakukan agar lebih berdaya saing, (Tahun 2020)
3. **Beta menyambut baik** usaha Kerajaan Beta menangani isu pencemaran air yang berleluasa pada tahun lalu. (2021)

Lakuan ekspresi dalam Contoh 1 dan 2 ditandai oleh perkataan *berkenan*, manakala Contoh 3 ditandai oleh *menyambut baik*. Contoh 1 menunjukkan perasaan gembira Sultan Selangor terhadap prestasi pelaburan manakala Contoh 2 pula menunjukkan kegembiraan Sultan Selangor terhadap usaha Menteri Besar untuk menjadikan penjawat awan Selangor lebih berdaya saing. Contoh 3 memperlihatkan kegembiraan terhadap usaha dan kejayaan menangani pencemaran sungai. Kajian ini merumuskan bahawa lakuan berkenan berfungsi untuk menunjukkan peranan dan sikap Sultan Selangor yang sentiasa memberikan sokongan dan motivasi kepada barisan kepimpinan negeri.

### Lakuan Sapaan Hormat

Kamus Dewan (2007:1390) mendefinisikan sapaan sebagai teguran, ajakan untuk bercakap-cakap. Dalam konteks ini, sapaan hormat merupakan lakuan ekspresi kerana menunjukkan

sikap menghormati dan menghargai seseorang. Noriati Ab Rashid (2005) melihat sapaan hormat sebagai salah satu strategi kesantunan bahasa. Joyson dan Kartini. A. W. (2021) menunjukkan pengaruh pemilihan kata sapaan dalam bahasa peribumi, antaranya ialah faktor umur, konteks sama ada dalam situasi formal maupun tidak formal dan perbezaan jantina. Abd Ganing (2010) yang melakukan kajian kesantunan dalam ceramah motivasi menunjukkan pelbagai sistem sapaan hormat. Antaranya ialah *yang saya hormati, yang saya muliakan, anak-anak, adik-adik* dan sebagainya. Dalam kajian ini, lakuan sapaan hormat ditandai oleh perkataan *Ahli-ahli Yang Berhormat* kerana Persidangan Dewan Undangan Negeri hanya dihadiri oleh ADUN. Pengkaji mendapati lakuan sapaan hormat berada di tempat kedua tertinggi (11 ujaran). Tiga contoh ujaran lakuan sapaan adalah seperti berikut:

1. **Ahli-ahli Berhormat**, Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan ini, Beta ingin menasihatkan Kerajaan Negeri agar memberi penekanan... (Tahun 2022).
2. **Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor**, di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan kebimbangan Beta berkaitan dengan ... (Tahun 2021)
3. **Ahli-ahli Yang Berhormat**, Beta mengucapkan selamat bersidang. (Tahun 2020)

Tiga contoh di atas menunjukkan penggunaan penanda linguistik yang sama, iaitu *ahli-ahli berhormat*. Pengkaji menyimpulkan bahawa lakuan sapaan hormat sebagai satu lambang kesantunan bahasa oleh Sultan Selangor. Sapaan hormat turut disampaikan untuk menunjukkan hubungan rapat antara Sultan Selangor dengan para ADUN Selangor dan sekali gus berfungsi sebagai contoh pemimpin yang budiman.

### Lakuan Terima Kasih

Ucapan terima kasih merupakan satu bentuk lakuan Sultan Selangor dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor. Kajian ini menemui 9 ujaran terima kasih dan angka tersebut Sultan Selangor menunjukkan sikap penghargaan terhadap ADUN. Analisis keseluruhan data turut mendapati ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada pelbagai pihak, seperti pihak petugas barisan hadapan semasa Covid-19, pihak badan beruniform yang menjaga keselamatan dan ketenteraman rakyat, pihak barisan kepimpinan kerajaan negeri, dan sebagainya. Selain itu, lakuan terima kasih juga ditunjukkan ketika mengakhiri ucapan dalam persidangan DUN.

1. Beta juga ingin mengucapkan **jutaan terima kasih** kepada lebih 20,000 orang petugas yang meliputi pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan... (Tahun 2022)
2. Beta mengambil kesempatan di sini untuk menzahirkan ucapan rasa **penghargaan dan berterima kasih di** atas segala pengorbanan dan komitmen semua petugas (Tahun 2021)
3. Beta mengucapkan selamat bersidang, **terima kasih**. (Tahun 2022)

Analisis kajian juga mendapati bahawa terdapat ucapan terima kasih yang disertakan dengan penjodoh bilangan. Misalnya, Contoh 1 di atas memperlihatkan lakuan terima kasih dengan disertakan penjodoh bilangan *jutaan*. Contoh 2 dan Contoh 3 pula hanya mengucapkan penghargaan dengan perkataan terima kasih tanpa penjodoh bilangan. Kajian ini merumuskan bahawa lakuan terima kasih merupakan satu unsur kesantunan bahasa dan sebagai satu bentuk penghargaan oleh Sultan Selangor yang ditujukan kepada pihak yang berjasa.

### Lakuan Salam

Kamus Dewan (2015:1373) mendefinisikan salam sebagai sejahtera, damai, dan kata-kata hormat. Dalam konteks lakuan bahasa, salam merupakan satu lakuan ekspresi untuk mendoakan kesejahteraan seseorang. Kajian ini mendapati lakuan salam di tempat keempat tertinggi dalam kategori lakuan ekspresi, dengan jumlah kekerapan sebanyak 8 ujaran. Contoh lakuan salam adalah seperti berikut:

1. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. (Tahun 2022)
2. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.(Tahun 2021)
3. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum wbkt. (Tahun 2019)

Kajian mendapati setiap pembukaan Persidangan, ucapan dimulai dan ditutup dengan salam. Salam tersebut dalam bahasa Arab dan Melayu. Lazimnya, ucapan salam dalam bahasa Arab ditujukan kepada umat Islam, manakala ucapan *salam sejahtera* ditujukan kepada ADUN bukan Islam. Selain beradab, ucapan salam dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu oleh Sultan Selangor menunjukkan sikap keterbukaan dan peranannya sebagai simbol penyatuan kaum. Melalui ucapan salam dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, para wakil rakyat yang berbilang kaum akan berasa dihargai dan dihormati oleh Sultan Selangor. Hal ini akan mewujudkan semangat perpaduan dalam kalangan barisan pemimpin negeri.

### KRITIKAN

Marlyna Maros (2008) menggunakan istilah *komplen* bagi menunjukkan perasaan tidak puas hati. Dalam kajian ini, lakuan kritikan ialah ujaran penilaian positif dan negatif. Hal ini selari dengan pendapat Indirawati Zahid (2019) yang mengatakan bahawa kritikan bukan sahaja merujuk kepada kecaman, tetapi juga merangkumi puji-pujian. Tanpa menolak konsep kritikan Indirawati Zahid, kajian ini menggunakan istilah kritikan sebagai penilaian negatif untuk meneliti lakuan bahasa dalam teks ucapan Sultan Selangor. Abd Ganng (2020) membina subkategori lakuan kritikan yang wujud semasa proses penilaian dan hasil penilaian. Ujaran-ujaran semasa proses penilaian ialah pernyataan premis, hujahan, analisis, perbandingan, manakala hasil penilaian pula merangkumi kecaman, penafian, tuduhan, dakwaan, sindiran, penafian atau tidak percaya.

Analisis mendapati empat lakuan kritikan dalam ucapan Sultan Selangor, iaitu kritikan langsung, kritikan umum, justifikasi dan persoalan retorik. Dari segi kekerapan, sebanyak 18 ujaran kritikan dilakukan, dan 11 daripadanya ialah kritikan langsung. Lazimnya kritikan disebabkan oleh kegagalan atau kelemahan seseorang atau institusi tertentu. Ia juga boleh disebabkan para pemimpin negeri tidak menjalankan amanah yang diberikan. Sultan sebagai ketua negeri telah melakukan kritikan terhadap pemimpin politik, artis, orang awam, dan pihak tertentu. Lakuan kritikan menunjukkan kekuasaan tertinggi Sultan Selangor dan sebagai satu bentuk “campur tangan” moral untuk membetulkan keadaan, menegakkan keadilan dan kesedaran tentang tanggungjawab pihak yang dikritik. Dengan perkataan lain, Sultan Selangor mempunyai kuasa untuk mengawal pentadbiran negeri dengan melakukan kritikan.

#### JADUAL 6. Subkategori Lakuan Kritikan

| No | Subkategori       | 2022 | 2021 | 2020 | 2019 | Jumlah    |
|----|-------------------|------|------|------|------|-----------|
| 1  | Kritikan langsung | 1    | 9    | 1    | -    | <b>11</b> |
| 2  | Justifikasi       | 1    | 2    | 1    | -    | <b>4</b>  |
| 3  | Kritikan umum     | 1    | 1    | -    | -    | <b>2</b>  |
| 4  | Persoalan retorik | -    | 1    | -    | -    | <b>1</b>  |
|    | Jumlah            | 3    | 13   | 2    |      | <b>18</b> |

Jadual 6 di atas menunjukkan kekerapan empat subkategori lakuan kritikan, dan tahun 2021 menunjukkan jumlah kritikan yang banyak berbanding tahun lain, iaitu 13 ujaran. Pada tahun 2019, Sultan Selangor tidak melakukan ujaran kritikan. Dari sudut subkategori, lakuan kritikan langsung mencatatkan kekerapan tertinggi dengan kekerapan sebanyak 11 ujaran, diikuti lakuan justifikasi, kritikan umum, dan persoalan retorik. Dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan dua subkategori kritikan yang relevan dengan kekuasaan Sultan Selangor, iaitu lakuan kritikan langsung dengan kritikan umum.

#### Lakuan Kritikan Langsung

Menurut Abd Ganing et al (2019), lakuan kritikan langsung bermaksud penilaian baik dan buruk; dan hasil penilaian itu disampaikan langsung kepada perkara atau orang yang dinilai. Sebelas ujaran kritikan langsung banyak dilakukan pada tahun 2021, iaitu ketika pandemik Covid-19 masih melanda negara. Pelbagai masalah sikap ditunjukkan oleh pihak pemimpin politik, golongan kenamaan, para majikan, dan sebagainya. Contohnya adalah seperti berikut:

1. **Ahli-ahli politik dilihat sering kali berbalah** di dalam isu-isu politik yang tiada berkesudahan sehingga melupakan tanggungjawab sebenar ... (2020)
2. Lebih memburukkan lagi keadaan apabila **terdapat pemimpin-pemimpin politik, golongan kenamaan (VIP) dan selebriti yang menyalahgunakan kedudukan untuk sewenang-wenangnya** melanggar perintah ... (Tahun 2021)
3. Begitu juga dengan operasi kilang-kilang yang **mana pihak majikan telah gagal menyediakan satu SOP yang ketat untuk pekerja-pekerja mereka** ... (Tahun 2021).

Contoh 1 di atas menunjukkan Sultan Selangor mengkritik ADUN kerana tidak menjalankan tugas dan amanah kepada rakyat. Ahli politik sering berbalah dalam isu politik sedangkan negara dan rakyat menghadapi krisis yang sama serius. Dalam contoh 2 pula, Sultan Selangor mengkritik para pemimpin politik, orang kenamaan dan golongan selebriti yang melanggar perintah kawalan pergerakan. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana golongan tersebut sepatutnya menjadi contoh kepada orang awam. Contoh 3, majikan menerima kritikan Sultan kerana majikan tidak mengeluarkan SOP untuk para pekerja bagi mengelakkan penularan Covid-19. Pengkaji merumuskan bahawa lakuan kritikan merupakan lambang kekuasaan dalam sistem pemerintahan kerajaan negeri. Kritikan oleh Sultan Selangor juga merupakan satu bentuk “campur tangan” dalam memastikan amanah dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan baik.

### Lakuan Kritikan Umum

Lakuan kritikan umum ialah kritikan yang bersifat umum atau kepada masyarakat umum. Dari segi kekerapan, lakuan kritikan umum hanya dilakukan sebanyak 2 kali, dan kedua-dua kritikan umum tersebut dikaitkan dengan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan. Contoh ujaran lakuan kritikan umum adalah seperti berikut:

1. Pada hemat Beta, peningkatan jumlah pesakit dan kematian akibat Covid-19 berlaku disebabkan **kelalaian kita terhadap** penguatkuasaan dan pematuhan SOP ... (Tahun 2021)
2. Beta **melihat kurangnya** penguatkuasaan dijalankan oleh pihak penguat kuasa dan **masyarakat mengambil ringan tentang pematuhan SOP.** (Tahun 2022)

Contoh 1 menunjukkan kritikan Sultan Selangor kepada masyarakat umum kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sehingga menyebabkan peningkatan jangkitan Covid-19 dan kematian. Tahun 2022, Sultan Selangor mengulangi kritikan yang sama kepada masyarakat umum. Lakuan kritikan umum menunjukkan keprihatinan Sultan Selangor dalam mengawal dan menjaga keharmonian rakyat. Selain itu, lakuan kritikan ini juga memperlihatkan fungsi, peranan dan kuasa Sultan Selangor dalam memberikan amaran yang serius terhadap masyarakat yang sentiasa melanggar undang-undang.

### KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan pelbagai lakuan bahasa oleh Sultan Selangor dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negeri. Sebanyak empat tindakan utama Sultan Selangor telah dikenal pasti, iaitu lakuan pernyataan, arahan, ekspresi dan kritikan. Lakuan pernyataan lebih tertumpu pada penyampaian tentang *tindakan baik* dan *prestasi cemerlang* kerajaan negeri. Lakuan arahan dan kritikan pula menunjukkan Sultan mempunyai kuasa pemerintahan dan “campur tangan” dalam mengawal pentadbiran dan pemerintahan kerajaan negeri. Lakuan ekspresi pula menggambarkan perasaan suka dan keprihatinan Sultan Selangor terhadap usaha dan tindakan yang diambil oleh pentadbiran kerajaan negeri. Lakuan kritikan, walaupun kekerapan berada di kedudukan terendah tetapi kritikan yang diberikan menunjukkan Sultan Selangor memainkan peranan, fungsi dan kuasa untuk membetulkan sikap para pemimpin politik, orang kenamaan dan sebagainya. Fungsi, peranan dan kuasa yang diperlihatkan melalui pelbagai lakuan bahasa oleh Sultan Selangor adalah untuk memastikan negeri Selangor dalam keadaan aman, sejahtera dan mendapat keredhaan Allah SWT.

### RUJUKAN

- Ab Razak, A. K, Abd Ganing, L, & Riduan. 2018. Analisis sistem sapaan dalam forum wacana Sinar Harian. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 243-256.
- Abd Ganing, L. 2020. Analisis lakuan tuturan Mahathir Mohamad dalam isu 1MDB. Tesis tidak diterbitkan. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abd Ganing, L., Ab Razak, A. K. & Riduan, M. 2019. Lakuan bahasa kritikan dalam forum wacana Sinar Harian. *Jurnal Melayu*, 18(2), 147-163.

- Ahmad Syafi'i. 2014. Analysis expressive of illocutionary act used by prime minister Tony Abbott's speech in Australian parliament. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Maulana Malik Ibrahim State Islamic University, Indonesia.
- Austin, J. L. 1962. *How to do things with words*. London: Oxford University Press.
- Darwalis Sazan. 2023. Analisis visual sosial berita berpandukan pendekatan analisis nilai berita diskursif. *Jurnal Melayu*, 22(2), 54-70.
- Dimon, Z. 2023. Peranan raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam negeri dalam konteks perundangan di Malaysia: Analisis terhadap isu pengurusan masjid dan zakat di Selangor. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 51–63. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v3i2.77>
- Indirawati Zahid. 2019. Melayu dan kritikan: Analisis kesantunan mentor 7. *Jurnal Melayu*, 18(2), 131-146.
- Joyson, J., & Kartini, A. W. 2021. Kata sapaan dalam bahasa Dusun dialek Bundu. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 635-650.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Wahab Jabber, & Zhang Jinquan. 2013. The modal verbs: A speech act of request in the speech of the president of the United States Barak Obama. *An International Journal in English*, 12. 1-13.
- Koussouhon, L. A., & Dadjo, S. D. 2016. Pragmatic analyses of president Goodluck Jonathan's concession speech and general Muhammadu Buhari's acceptance speech: A comparative appraisal. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 5(4), 12-19.
- Koutchadé, I. S. 2017. Analysing speech acts in Buhari's address at the 71st session of the UN general assembly. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 6(3), 226-233.
- Kristiina, L. N., & Ambalegin, A. 2019. Illocutionary acts on President Obama's election night speech. *Jurnal Basis*, 6(2), 267-276.
- Loko, C. D. (2018). Analysis of speech acts in Donald Trump's acceptance speech. *Revue Internationale de Linguistique Appliquée, de Littérature et d'Education*, 1(1), 233-248.
- Marlyna, M. 2008. Lakuan bahasa kompleks: Manifestasi dan istilah-istilahnya dalam komuniti bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 3, 1-20.
- Nanda, B. P. 2014. Commissive and directive acts performed by David Cameron in his Davos speech. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Universitas Brawijaya, Indonesia.
- Noriati A. Rashid. 2005. Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Syazwani, B. & Zubir, I. 2020. Syair suka duka dalam pelayaran ke Mekah: Satu analisis pengkaedahan keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 287-305.
- Rahayu, R. R., & El Fauziah, U. N. (2021). Speech acts of UK Prime Minister Boris Johnson's speech. *PROJECT: Professional Journal of English Education*, 4(4), 609-616.
- Sagawati, J. 2015. Illocutionary Acts In Joko Widodo Facebook Fan Page (Doctoral dissertation), Universitas Brawijaya, Indonesia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2006. Najat: Tinjauan awal terhadap lakuan bahasa dan aspek sosiobudaya Bajau. *Jurnal Melayu*, 2, 79-93.
- Searle, J. R. 1969. Speech acts: An essay in the philosophy of language. Cambridge: Cambridge University Press.
- Searle, J. R. 1976. A classification of illocutionary acts. *Language in Society*, 5(1), 1-23.
- Searle, J. R. 1979. Expression and meaning. Cambridge: Cambridge University Press.

- Siddique, M. I., Ahmed, H., & Chattha, S. A. 2022. A speech act analysis of the prime minister IK's speech at UNGA with respect to Kashmir dispute. *Journal of Educational Research and Social Sciences Review*, 2(1), 1-4.
- Tengku Intan Marlina T. M. A. & Salinah, J. 2013. Simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris dalam *Hikayat Hang Tuah*. *Jurnal Melayu*, 11, 99-109.
- Thamir, S. F. 2019. A speech act analysis of President Barack Obama's selected speeches on healthcare. Doctoral dissertation. University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Nur Azira, & Maslida Yusof. 2023. Lakuan bahasa meme dalam komunikasi internet Gen Z. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 1-18.
- Yang, Y. & Wang, J. 2020. An analysis of inaugural address of President Rodrigo Duterte's speech act. In *Proceedings of the 2nd International Conference on Humanities (ICH 2019)* (pp. 30-31). Universiti Sains Malaysia.
- Yusanti, G., Ningrum, A. S. B., Aini, N., & Al Aziz, E. N. 2022. Speech act analysis on Joe Biden's speech about COVID-19. *Jurnal Arbitrer*, 9 (1), 57-70.
- Zanariah, I., Maslida, Y., & Karim, H., 2017. Analisis lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah. *Jurnal Melayu*, 16 (2), 163-178.

#### Biodata Penulis:

**Abd Ganing Laengkang (PhD)** merupakan pensyarah bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau pernah berkhidmat di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Islam Selangor. Bidang kepakaran ialah pragmatik, satu bidang yang merangkumi lakuan bahasa, ke(tidak)santunan, dan implikatur perbualan.